# RANCANGAN PERNIAGAAN

**ETR 300**

**HEAZZ ENTERPRISE**

**DISEDIAKAN UNTUK :**

**EN AMRAN BIN AWANG**
**PENSYARAH ASAS KEUSAHAWANAN**
**ETR 300**


**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**
**CAWANGAN PERLIS**

**DISEDIAKAN OLEH**

**PUTERI KATIJAH BAHARI**
**SABARIAH AHMAD**
**ROHAYA SETAPA**
**ENIE EMRIEZA YOB**


**DIPLOMA KEJURUTERAAN AWAM**

**PENGENALAN**

**1.1 Jenis Perniagaan**

- Perniagaan yang kami jalankan merupakan sebuah perniagaan milik bumiputera dimana ia dikendalikan secara perkongsian. Perniagaan ini diberi nama HEAZZ ENT. Ia merupakan perniagaan yang membuat dan menghasilkan model bangunan dan binaan bagi keperluan pemaju perumahan, arkitek dan syarikat pembinaan atau sesiapa sahaja yang inginkan perkhidmatan ini.

**1.2 Lokasi Tapak Projek**

- Lokasi yang kami pilih untuk menjalankan perniagaan ini ialah di:-

No.33, Jalan Gamelan,
3/1 Taman Ria,
08000 Sungai Petani, Kedah.

Pihak kami bersetuju untuk menjalankan perniagaan dilokasi tersebut setelah mengambil kira pelbagai aspek terutamanya dari segi kemudahan infrastruktur, sistem perhubungan dan keadaan persekitaran. Tapak yang dipilih berdasarkan faktor-faktor berikut :-

1. Ia terletak di sepanjang jalan Alor Setar - Sg. Petani dan Pulau Pinang - Sg. Petani dimana hanya 500m dari persimpangan Sg. Petani yang menghubungkan ke Lebuh Raya Utara - Selatan. Tapak ini adalah 3.2 km ke Utara Sg. Petani dan hanya 40km daripada Butterworth.

2. Ia berdekatan dengan jalan utama yang menghubungkan jalan Alor Setar dan Sg. Petani. Oleh itu, ia memudahkan perhubungan dengan pelanggan.

## 1.3 Pelan Lokasi

**Kedudukan Fizikal**

- Perniagaan kami akan beroperasi dilokasi di mana pejabat utama kami adalah berpusat di dalam kawasan tapak projek yang beralamat :-

No.33, Jalan Gamelan,
3/1 Taman Ria,
08000 Sungai Petani, Kedah.

Tapak projek kami terletak di sepanjang jalan Alor Setar - Sg. Petani dimana hanya 500m dari persimpangan Lebuh Raya Utara - Selatan . Tapak ini adalah 3.2 km ke Utara Sg.Petani dan hanya 12km daripada Butterworth. Kawasan ini dihubungkan oleh sistem jalanraya yang baik dan amat memuaskan sehingga ke bandar-bandar lain.

## 1.4 Tarikh Mula Perniagaan

- Perniagaan ini dijangka akan mula beroperasi pada **1 JANUARI 2001** iaitu sebaik sahaja mendapat kelulusan daripada pihak-pihak yang berkenaan.

## 1.5 Justifikasi Pemilihan Projek

1.51 Kami dapati potensi perniagaan ini untuk berdaya maju adalah amat cerah kerana pembangunan ekonomi negara yang semakin pesat berkembang disampin terdapat banyak syarikat pembinaan baru yang muncul.

1.52 Dalam pada masa yang sama kami ingin menambahkan lagi bilangan usahawan bumiputera dan pesaing yang sedia ada bagi mewujudkan satu persaingan yang sihat.

1.53 Kepesatan dalam sektor pembinaan terutama dalam sektor perumahan dan bangunan komersil di Alor Setar dan Pulau Pinang dapat memberi keuntungan bagi pihak kami.

**ISI KANDUNGAN** **MS**


| | |
|---|---|
| Surat penyerahan | 1 |
| Penghargaan | 2 |
| Pendahuluan | 3 |
| Tujuan rancangan perniagaan | 4 |
| Keterangan Logo | 6 |
| Surat ikatan perjanjian antara pekongsi | 7 |
| Pengenalan | 9 |
| Pelan lokasi | 11 |
| Bentuk bangunan dan kemudahan infrastuktur | 12 |
| Susunatur ruang pejabat | 13 |
| Latar belakang perniagaan | 14 |
| Latar belakang ahli kongsi | 15 |

**Rancangan pentadbiran**

| | |
|---|---|
| Rancangan pentadbiran | 19 |
| Matlamat dan strategi organisasi | 20 |
| Carta organisasi syarikat | 22 |
| Tenaga pekerja | 23 |
| Spesifikasi tugas | 24 |
| Imbuhan balas jasa dan insentif pekerja | 29 |
| Perancangan keperluan pejabat | 31 |
| Perbelanjaan pentadbiran | 32 |

**Rancangan pemasaran:**


| | |
|---|---|
| Pengenalan | 33 |
| Matlamat pemasaran | 34 |
| Pasaran sasaran | 35 |
| Saiz pasaran | 36 |
| Strategi pemasaran | 40 |
| Persaingan | 42 |
| Strategi promosi | 44 |


**Rancangan operasi**


| | |
|---|---|
| Rancangan operasi | 46 |
| Proses penghasilan model | 47 |
| Senarai jawatan | 49 |
| Tenaga pekerja | 50 |
| Rancangan pengeluaran operasi bagi setiap tahun | 51 |
| Perancangan kapasiti pengeluaran ( model bangunan ) | 52 |
| Jadual keperluan peralatan | 53 |
| Senarai jenis model | 54 |
| Jadual keperluan bengkel | 56 |
| Senarai bahan dan kelengkapan | 57 |
| Perbelanjaan operasi | 58 |